



الهدى

Al-Huda

Bil. 163 APRIL 2026M/1447H

MALU

Perisai Bagi
Orang Beriman

- 03 *Tetamu Tidak Diundang*
- 12 *Malu Sebagai Perisai Orang Beriman*
- 29 *Malu Adalah Adab dan Tatatertib Dunia dan Agama*
- 48 *Malu Benteng Orang Beriman*



Menu Ilmu

01 TINTA
PENGARANG

02 PETIKAN
TITAH

Sebagai Hamba Allah Jangan
Malu Mengaku Berdosa

03 IRSYAD
HUKUM

Tetamu Tidak Diundang

12 KHUTBAH
JUMAAT

Malu Sebagai Perisai Orang
Beriman

17 TAFSIR
HUKUM

Sifat Malu Perisai Iman
Seorang Muslim

23 IBRAH TOKOH
ISLAM

Saiyidina Abu Bakar ash-
Shiddiq @ 'Abdullah bin Abi
Quhafah

29 MUTIARA
HADITS

Malu adalah Adab dan
Tatatertib Dunia dan Agama



*Sebagai
hamba
Allah
jangan
malu mengaku
berdosa...m.s 2*

34 MAQASHID
SYARI'AH

Memelihara Keturunan

38 BICARA MUSLIMAH
Keistimewaan Wanita
dalam Islam

44 IKHTISHAR
KEFAHAMAN

Aqidah Ahli Sunnah wal
Jama'ah

48 FOKUS

Malu Benteng Orang
Beriman

54 HIDUP DIHARUNGI
MATI DITEMPUHI

Syukurlah Kehidupan Dan
Kematian

59 PUISI

Al-Qur'an Petunjuk Jalan

Muhasabah Ringkas

Simple Check



Pause sekejap, hati kita tahu jawabannya

Tinta Pengarang

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ . وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَمَنْ تَبِعَهُ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ . وَبَعْدُ

Sifat malu adalah salah satu daripada sifat yang terpuji daripada cabang-cabang iman. Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu berkata, Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ

Maksudnya:

Malu itu adalah sebahagian daripada iman.

(Hadits riwayat Imam al-Bukhari)

Sifat malu termasuk di dalam sifat-sifat yang terpuji dan ia merupakan lambang kesempurnaan seseorang itu. Akan tetapi, di dalam konteks pelajaran atau pertanyaan yang berkaitan dengan sesuatu perkara yang melibatkan urusan agama, maka sifat malu itu perlu diketepikan kerana agama menuntut sedemikian melainkan sekiranya terdapat keuzuran sehingga menyebabkan kita terpaksa mewakili seseorang untuk membuat pertanyaan. Selain itu juga, ada kata-kata daripada tokoh *tabi'in* yang terkenal seperti Imam Mujahid, iaitu:

لَا يَتَأَلَّ الْعِلْمُ حَيِّئًا وَلَا مُسْتَكْبِرًا

Maksudnya:

Ilmu tidak akan diperolehi bagi orang malu dan juga orang yang sombong.

Akhirnya, semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala menjadikan kita daripada kalangan hamba-hamba-Nya memiliki rasa malu kepada-Nya.



REDAKSI الهدى

PENASIHAT

Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman
Pemangku Pengarah

PENOLONG PENASIHAT

Pg Hjh Haslina Suriani binti Pg. Hj. Piut
Pemangku Penolong Pengarah

KETUA PENERBIT

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

PENOLONG KETUA PENERBIT

Qairunnisa binti Haji Jalil

PENYELARAS

Nor Hafidzah binti Haji Hamidon
Dahlan bin Chuchu

PEMBANTU PENYELARAS

Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim
Md. Zeliha bin Ahad
Azizah binti Hidup
Rokiah binti Haji Mohamad Serudin
Suriati binti Haji Ali Hussin

REKA BENTUK & ATURHURUF

Dahlan bin Chuchu

PENULIS JAWI (JUDUL)

Pengiran Yusdi bin Pengiran Rumbli

PENYEMAK AYAT AL-QUR'AN & HADITS

Ramlee bin Haji Kassim

PEMASARAN

Zaerah binti Haji Mus
Hajah Margawati binti Hj. Abd. Rahman
Adi Shahrul bin Mazziz
Nurul Nabilah binti Masri

PENCETAK

EZY Printing Services & Trading Co.

TERBITAN

Pusat Da'wah Islamiah,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam, BB4310.



Petikan Titah

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI
WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Selaku Hamba Allah Jangan Malu Mengaku Berdosa

..... selaku hamba Allah, janganlah malu mengaku berdosa dan berat untuk bertaubat.

“Kita tidak tahu, berapa banyakkah dosa kita, sama ada yang dilakukan secara sedar atau tidak sedar, semua itu pembasuhnya hanyalah satu saja, iaitu istighfar atau taubat.

“Kalau membasuh tangan dengan air atau *'sanitizer'*, tetapi membasuh dosa adalah dengan istighfar dan taubat, Baginda kemudiannya membacakan doa: “Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redhai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin”.

**PETIKAN TITAH
PERUTUSAN KHAS BERSABIT PERKEMBANGAN PANDEMIK
KORONAVIRUS DI ISTANA NURUL IMAN
PADA 17 OGOS 2021**

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja
Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz
Haji Awang Abdul Aziz bin Juned
Mufti Kerajaan Brunei
Jabatan Perdana Menteri

Irsyad Hukum



Tetamu Tidak Diundang

Salah satu hak antara sesama muslim ialah menghadiri undangan atau majlis jika dijemput. Memenuhi undangan kenduri kahwin (*walimatul'urus*) adalah wajib kecuali atas sesuatu sebab atau keuzuran, sama ada dia dijemput ke majlis itu oleh tuan punya majlis itu sendiri atau melalui wakilnya yang dipercayai, dan jika undangan itu majlis biasa (bukan kahwin) hukum menghadirinya hanyalah sunat.

Apa yang membimbangkan pada masa ini ada segelintir masyarakat yang bersikap gemar menghadiri majlis tanpa undangan dengan tanpa mengambil berat halal atau haram menjamah makanan yang sepatutnya bukan milik mereka.

Sekadar gambar hiasan

Dari segi hukum menghadiri sesuatu majlis tanpa jemputan adalah haram bagi mengelakkan unsur mengambil hak orang lain secara bathil, sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah an-Nisaa' ayat 29 yang bermaksud:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ
بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ...

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang bathil (seperti makan riba, merampas, menipu dan berjudi) ...

Hadir Tanpa Diundang

Istilah asal dalam bahasa Arab mengenai perbuatan hadir tanpa diundang disebut sebagai *at-tathfil* dari perkataan *tathafful*. *Thufaili* ialah seorang tetamu yang hadir tanpa diundang atau dijemput yang dimansuhkan kepada seorang lelaki yang berasal dari Kufah yang seringkali menghadiri majlis-majlis walimah tanpa dijemput.

Imam al-Bajuri *Rahimahullah* menyatakan adalah haram hukumnya menghadiri majlis tanpa diundang kecuali jika dia tahu bahawa tuan rumah itu berniat untuk bersedekah

atau sebagainya dan redha dengan kehadirannya.

Jika sesuatu majlis itu dan tetamu yang diundang bersifat khas, maka wajib tetamu tersebut menghadiri undangan itu. Maksud “tetamu yang bersifat khas” di sini ialah tetamu yang telah ditentukan orangnya oleh tuan punya majlis atau wakilnya.

Adapun menghadiri suatu majlis khas tanpa dijemput, maka hukumnya adalah haram. Melainkan dia mengetahui tuan punya majlis itu redha dengan kehadirannya dan di antara tuan majlis dan tetamu itu keduanya saling kenal-mengenal dan mempunyai hubungan yang rapat atau mesra.

Jika suatu majlis itu dan tetamu yang diundang bersifat umum, maka dalam keadaan ini tidaklah termasuk dalam larangan. Maka tidak haram hukumnya dia hadir ke majlis tersebut walaupun tanpa undangan khas.

Contohnya ialah:

Tuan rumah mengatakan pada seseorang: “Panggillah dan jemputlah sesiapa yang kamu mahu atau sesiapa yang kamu temui.”

Tuan rumah atau wakilnya membuka pintu rumahnya dan berkata: “Sesiapa

saja boleh masuk dan hadir ke majlis ini.”

Membawa Individu Lain yang Tidak Termasuk dalam Undangan

Menurut Imam an-Nawawi dalam Kitab al-Majmu', antara adab makan dalam sesuatu jamuan, janganlah dia hadir dengan membawa teman yang tidak dijemput oleh tuan punya majlis. Andainya dia hadir dengan membawa seseorang bersamanya ke majlis tersebut, maka dia telah melakukan sesuatu yang buruk.

Jika tuan punya majlis telah membuat undangan bagi satu kumpulan yang telah ditentukan orang-orangnya, tiba-

tiba hadir bersama mereka seorang lain yang tidak dijemput atau ditentukan, maka dalam hal ini dia tetap tidak termasuk dalam senarai tetamu yang diundang.

Berbeza jika tuan punya majlis mengatakan kepada wakil atau utusannya: “Jemputlah si Polan dan sesiapa yang ada bersamanya”. Maka bolehlah sesiapa yang ada bersama si Polan pada ketika itu hadir bersamanya. Secara dasarnya, keizinan dan kebenaran dari tuan punya majlis untuk hadir adalah sangat penting dan sangat perlu, melainkan dia sudah mengetahui bahawa tuan punya majlis akan redha dengan kehadirannya.



“keizinan dan kebenaran dari tuan punya majlis untuk hadir adalah sangat penting dan sangat perlu”

Perkara ini pernah terjadi pada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sendiri di mana Baginda telah dijemput untuk menikmati hidangan yang telah dimasak. Dalam undangan tersebut telah ditentukan siapa orangnya dan jumlahnya.

Riwayat daripada Abu Mas'ud al-Anshari, dia menceritakan bahawa ada seorang lelaki dari golongan Anshar bernama Abu Syu'aib yang mempunyai seorang pembantu yang menjual daging. Pada suatu hari Abu Syu'aib memandang Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan dia mengetahui dari wajah Baginda bahawa Baginda kelihatan lapar. Maka dia menyuruh pembantunya untuk menyediakan makanan untuk lima orang, kerana dia ingin mengundang Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sebagai salah seorang dari lima orang tetamu yang diundangnya.

Maka pembantunya itu pun melaksanakan perintah itu. Kemudian dia diutus kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* untuk mengundang Baginda sebagai salah seorang dari lima orang (maksudnya tetamu yang diundang ada lima orang termasuk Rasulullah sendiri). Akan tetapi telah datang bersama-sama mereka seorang lagi (tidak termasuk antara tetamu yang diundang) dan ketika sampai di depan pintu, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang ini ikut (datang) bersama kami, jadi terserahlah kepadamu, apakah engkau memberinya izin (untuk masuk) atau kalau engkau mahu dia harus pulang. Abu Syu'aib menjawab: “Tidak! Bahkan aku memberinya izin wahai Rasulullah!”

(Hadits riwayat Imam Muslim)

Dalam riwayat yang lain daripada Abu Mu'awiyah, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: *“Telah ikut (datang) bersama-sama kami seorang lelaki. Dia tiada bersama kami pada ketika kamu mengundang kami.”*

(Hadits hasan shahih riwayat Imam at-Tirmidzi)

Berdasarkan mafhum daripada hadits tersebut, Ibnu Hajar al-'Asqalani membuat kesimpulan dengan beberapa perkara, iaitu:

- Barang siapa hadir tanpa diundang, maka tuan majlis boleh memilih untuk menegahinya. Jika dia masuk tanpa izin, maka tuan majlis boleh mengeluarkannya atau menghalangnya.
- Berdasarkan perbuatan lelaki yang ikut serta bersama-sama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dalam hadits di atas, hadir tanpa diundang pada asalnya adalah tidak ditegah

dan Baginda tidak pula menyuruhnya pulang. Ada kemungkinan dia akan diterima dengan baik dan diizinkan masuk, terpulang kepada kebijaksanaan, kebaikan hati dan budi bicara tuan majlis tersebut.

- ◆ Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* meminta izin daripada Abu Syu'aib kerana membawa seseorang yang tidak dijemput untuk memberi kebaikan pada dirinya. Ini kerana Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sudah mengetahui bahawa Abu Syu'aib tidak menghalang atau menegah kehadiran lelaki yang tidak diundang itu.

Ini berdasarkan dari hadits riwayat Abu Mu'awiyah, tentang adanya isyarat atau pertanda bahawa jika lelaki itu berada dalam kumpulan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ketika kumpulan itu diundang, maka tidak perlu lagi meminta izin kerana sudah pasti dia akan diundang sama.

Sekiranya tetamu datang dengan membawa orang lain yang tidak dijemput, lalu tetamu tersebut pun meminta izin untuknya, maka sebaiknya izinkanlah orang yang tidak dijemput itu masuk sepertimana yang telah dilakukan oleh Abu Syu'aib kerana itu adalah sebahagian dari *makarim al-akhlaq* (akhlaq yang terpuji).

- ◆ Dilarang mengikut tetamu lain ke suatu majlis melainkan dia tahu tuan punya majlis redha dengan kehadirannya.

- ◆ Kehadiran seseorang tanpa keizinan, kebenaran atau pengetahuan tuan punya majlis, maka makanan yang dimakan oleh tetamu yang tidak diundang itu umpama memakan sesuatu yang haram. Sebagaimana hadits yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

"Barang siapa diundang, lalu dia tidak memenuhi undangan itu, sesungguhnya dia telah derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan barang siapa masuk (ke majlis) tanpa diundang, maka dia masuk sebagai pencuri dan dia keluar sebagai perampas harta orang."

(Hadits dhaif riwayat Imam al-Baihaqi)

Enggan Menerima Individu Lain sebagai Tetamu

Telah diriwayatkan dalam hadits daripada Anas *Radhiallahu 'anhu* bahawa pada suatu hari seorang daripada jiran Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* berbangsa Parsi yang pandai memasak telah menyediakan suatu masakan untuk Rasulullah

Shallallahu 'alaihi wa sallam dan kemudiannya dia datang untuk mengundang baginda menikmati masakan tersebut. Kebetulan isteri baginda, 'Aisyah *Radhiallahu 'anha*, berada bersama-sama baginda pada ketika itu. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* pun bertanya: "Dan dia ini?" (Baginda menunjuk kepada 'Aisyah). Orang itu menjawab: "Tidak!" Baginda pun bersabda: "Tidak!" Lalu orang (jiran) itu pun mengulangi undangannya. Baginda masih bertanya: "Dan dia ini?" Orang (jiran) itu menjawab: "Tidak!" Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* pun bersabda: "Tidak!" (Ertinya Baginda tidak mahu memenuhi undangan itu kalau 'Aisyah tidak diundang bersama). Sekali lagi dia mengulangi undangannya dan Baginda bertanya lagi: "Dan dia ini?" Maka pada kali yang ketiga orang (jiran) itu pun menjawab: "Ya!" Maka Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan 'Aisyah pun berdiri dan segera mengikut orang itu sehingga mereka berdua sampai ke rumahnya."

(Hadits riwayat Imam Muslim)

Adapun mafhum dari hadits di atas, antara sebab jiran Rasulullah itu enggan mengizinkan 'Aisyah hadir kerana berkemungkinan dia telah menyediakan makanan yang cukup untuk seorang sahaja iaitu untuk Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Sekiranya dia mengizinkan 'Aisyah hadir, dia khawatir

makanan itu tidak akan mencukupi untuk Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Enggan Hadir Melainkan Membawa Teman

Keengganan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menghadiri undangan jiran Baginda tidak menunjukkan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menolak terus dari menghadirinya.

Berkemungkinan baginda enggan datang sendirian dan meminta 'Aisyah di bawa bersama kerana:

Perbuatan atau undangan jiran Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* berbeza dengan perbuatan pembantu Abu Syu'aib, kerana pembantunya telah menjemput Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* berserta orang-orang yang rapat dengan Baginda. Manakala jiran Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* hanya menjemput Baginda seorang sahaja sedangkan 'Aisyah ada bersama baginda pada ketika itu. Oleh kerana itu baginda enggan memenuhi undangan tersebut melainkan 'Aisyah turut sama diundang.

Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* mengetahui bahawa 'Aisyah ingin untuk menikmati hidangan tersebut.

Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* suka kalau 'Aisyah menemani Baginda makan makanan tersebut.

Kesimpulan

Apabila membuat undangan sebaiknya pastikanlah dengan jelas tetamu yang akan dijemput, sama ada berbentuk khusus atau umum, agar tidak timbul keraguan di hati mereka untuk menghadirinya.

Manakala dari pihak yang diundang (tetamu), memenuhi undangan dan menghadirinya akan menerbitkan rasa gembira di hati orang yang menjemput, di samping mengeratkan dan menyuburkan lagi silaturrahim sesama tetamu yang lainnya.


Oleh kerana itu menghadiri walimah adalah wajib kecuali atas sesuatu sebab atau keuzuran, sama ada dia dijemput ke majlis itu oleh tuan punya majlis itu sendiri, atau melalui wakilnya yang dipercayai, atau melalui utusan seorang yang *mumayyiz* yang tidak diragui kejujurannya (tidak mungkin berbohong).

Menghadiri walimah tanpa diundang pula boleh mengakibatkan ketidakselesaan, perasaan serba salah dan mungkin juga kesusahan kepada tuan punya majlis terutamanya mengenai persediaan yang telah dibuat. Sebagai contoh, orang yang mengundang hanya mampu menyediakan jemputan bagi 10 orang sedangkan yang hadir melebihi daripada had yang telah ditentukan.

Menghadiri suatu majlis khas tanpa dijemput, maka hukumnya adalah haram.

Sekadar gambar hiasan

Perkara sedemikian ini boleh mengakibatkan ketidak-selesaan kepada yang mengundang. Walau bagaimanapun bagi orang yang mengundang adalah lebih elok menerima sahaja tetamu yang tidak diundang itu kerana ia adalah sebahagian dari *makarim al-akhlak* (akhlak yang terpuji).

Maka adalah menjadi ingatan bahawa perilaku hadir tanpa diundang digambarkan sebagai sesuatu yang buruk dan perlu dihindari. Oleh yang demikian, bagi mereka yang tidak diundang itu simpanlah sedikit rasa malu kerana perbuatan hadir tanpa diundang ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya, jangan sampai ianya dipandang ringan, sambil lewa serta kurang penting. 

Menghadiri walimah tanpa diundang pula boleh mengakibatkan ketidak selesaan, perasaan serba salah dan mungkin juga kesusahan kepada tuan punya majlis terutamanya mengenai persediaan yang telah dibuat.

Sekadar gambar hiasan

Malu

Sebahagian Daripada Iman

Daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*,
Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*
bersabda:

الإِيمَانُ بِضْعٌ وَسَبْعُونَ شُعْبَةً وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ
مِنَ الإِيمَانِ

Maksudnya: Iman itu mempunyai lebih
dari 70 cabang dan malu adalah salah satu
cabang daripada iman.

(Hadits Riwayat Imam Muslim)



Khutbah Jumaat

Malu Perisai Orang Beriman

Bertakwalah kita ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasaingati Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah al-Ahzaab ayat 21 yang mafhumnya: *"Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu, iaitu bagi orang yang mengharap (keredhaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingati Allah."*

Sesungguhnya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* adalah contoh teladan dan ikutan yang terbaik bagi seluruh umat manusia. Oleh itu, sebagai umat Islam kita hendaklah mengikut dan mencontohi sifat-sifat dan akhlak Baginda. Adapun antara akhlak dan sifat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang mesti dan patut kita contohi ialah bersifat malu. Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri *Radhiallahu 'anhu*, ia berkata yang bermaksud: *"Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam lebih pemalu*

daripada anak gadis yang ada di dalam biliknya. Apabila Baginda melihat sesuatu yang tidak disukainya, kami dapat mengetahui hal itu daripada raut wajahnya.

Sifat malu termasuk di dalam sifat-sifat yang terpuji dan ia merupakan sifat yang sangat dianjurkan dalam Islam kerana ia berkait rapat dengan iman. Maka beruntunglah bagi mereka yang dapat menghiasi dirinya dengan sifat malu kerana sifat malu itu adalah sebahagian daripada iman dan iman itu pula tempatnya adalah di syurga.

Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* ia berkata, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: *"Sifat malu adalah sebahagian daripada keimanan dan iman itu tempatnya di dalam syurga. Perkataan yang keji itu berasal daripada watak dan perangai yang keras, sedangkan kekerasan itu tempatnya di dalam neraka."*

Malu yang dituntut oleh syara' adalah malu yang mendorong kepada kebaikan, mencegah kemaksiatan, yang disebabkan oleh rasa takut kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Sementara itu, malu yang tercela adalah rasa malu yang menghalangi seseorang untuk berbuat kebaikan dan kebenaran.



Imam Muslim berkata bahawa: *“Malu adalah sebahagian daripada iman. Malu merupakan perhiasan sejati Muslim. Orang yang tidak mempunyai rasa malu bererti imannya cacat. Oleh itu, tumbuhkan rasa malu kerana ia merupakan sifat-sifat para nabi dan rasul.”*

Sesungguhnya malu adalah antara sifat yang mesti kita miliki dan mempunyai sifat malu itu bukanlah satu kelemahan, sebaliknya ia adalah perisai yang melindungi diri seseorang daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala*.

Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Imran bin Husain *Radhiallahu ‘anhu* berkata, Nabi *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: *“Malu itu tidak mendatangkan sesuatu melainkan kebaikan semata-mata.”*

Dalam kehidupan seorang muslim, perasaan malu akan mendorong seseorang untuk sentiasa berakhlak baik dan menjauhi maksiat. Dengan memiliki sifat malu, seseorang itu akan dapat membentuk peribadi yang unggul dengan menjaga tingkah laku, pertuturan dan menjaga kehormatan diri. Akan tetapi walaupun malu itu adalah sifat yang baik, ada juga jenis malu yang tidak sepatutnya, contoh malu untuk menuntut ilmu.

Agama kita menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu tanpa rasa segan atau malu. Jika seseorang tidak bertanya tentang perkara yang tidak diketahuinya, maka dia akan kekal dalam kejahilan. Selain itu, seorang muslim juga tidak boleh malu untuk melakukan kebaikan seperti memberi nasihat, bersedekah dan sebagainya. Seorang muslim itu juga tidak boleh memiliki sifat malu yang berlebihan hingga menyebabkan kehilangan kepercayaan diri dan menyebabkan seseorang itu takut untuk bercakap, bergaul ataupun mengambil peluang untuk berkembang dalam kehidupan.



Mimbar Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien Bandar Seri Begawan

Jelaslah bahawa malu yang dituntut oleh syara' adalah malu yang mendorong kepada kebaikan, mencegah kemaksiatan, yang disebabkan oleh rasa takut kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Sementara itu, malu yang tercela adalah rasa malu yang menghalangi seseorang untuk berbuat kebaikan dan kebenaran.

Untuk menanamkan sifat malu dalam diri kita, ada beberapa cara dan amalan yang mesti kita ikuti, antaranya:

- 1) Meningkatkan keamanan dan taqwa. Ini kerana semakin kuat iman seseorang, semakin tinggi rasa malunya kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan manusia.
- 2) Menjaga hubungan dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* seperti mendirikan sembahyang lima waktu, membaca al-Qur'an dan berzikir membantu seseorang itu berasa dekat dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan menjadikan malu sebagai perisai iman.

3) Berkawan dengan orang-orang yang berakhlak baik. Ini kerana pergaulan yang baik mempengaruhi sikap seseorang. Berkawan dengan orang-orang yang shalih akan membantu menanamkan sifat malu yang positif.

4) Menyedari bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* Maha Melihat. Kita hendaklah sentiasa ingat bahawa setiap apa yang kita lakukan diperhatikan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, ini akan membantu seseorang itu menjauhi perkara munkar dan maksiat.

Sifat malu adalah salah satu tanda keimanan yang kuat dan menjadi perisai kepada seorang muslim dalam menjalani kehidupan. Ia membentuk seseorang menjaga akhlak, menghindari maksiat dan memperkukuhkan hubungan dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.


Oleh yang demikian, hiasilah diri kita dengan sifat malu kerana ia adalah

“Seorang muslim itu juga tidak boleh memiliki sifat malu yang berlebihan hingga menyebabkan kehilangan kepercayaan diri dan menyebabkan seseorang itu takut untuk bercakap, bergaul ataupun mengambil peluang untuk berkembang dalam kehidupan”

benteng atau penghalang yang boleh mengelakkan diri kita daripada melakukan perbuatan munkar dan maksiat.

Ingatlah, bahawa azab dan seksa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu amat pedih. Oleh itu, jika hendak berbuat kejahatan seperti mencuri, berzina, menipu dalam perniagaan, tidak jujur dalam sebarang pekerjaan dan sebagainya, maka kita akan berfikir terlebih dahulu dan tidak mudah untuk melakukan perbuatan-perbuatan tersebut.

Akhirnya, semoga dengan yang demikian, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan kasih dan melindungi kita daripada azab seksa-Nya dan semoga kita semua akan memperoleh keampunan dan pahala yang besar daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Firman Allah dalam surah al-Mulk ayat 12 yang mafhumnya: *“Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada tuhan mereka (walaupun) mereka tidak melihatnya, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar.”* 



Tafsir Hukum



Sifat Malu

Perisai Iman Seorang Muslim

Malu dalam bahasa Arab ialah *al-haya'*. Sifat malu adalah salah satu akhlak mulia yang sangat ditekankan dalam Islam. Ia merupakan perasaan yang mendorong seseorang untuk menghindari perbuatan tercela dan menjaga kehormatan dirinya. Sifat malu ini memiliki kedudukan yang istimewa kerana ia berkaitan langsung dengan keimanan dan akhlak seorang muslim.

Dari segi bahasa, *haya'* berasal dari akar kata hayat yang bererti kehidupan. Hal ini menunjukkan bahawa malu adalah elemen penting dalam kehidupan manusia. Secara istilah, malu adalah sifat yang membuat seseorang menahan diri dari melakukan hal-hal yang tidak sepatutnya baik di hadapan Allah mahu pun manusia.

Rasa malu merupakan aspek penting dari iman seorang Muslim. Kita sebagai makhluk manusia harus memiliki dan mempunyai sifat malu. Ia bukanlah satu kelemahan malah ia adalah perisai yang melindungi diri seseorang daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Namun, rasa malu juga dapat memiliki sisi negatif jika tidak dikendalikan dengan baik. Malu yang berlebihan atau tidak pada tempatnya dapat menghambat perkembangan diri, menurunkan rasa percaya diri, bahkan menimbulkan masalah psikologis. Sebaliknya, hilangnya rasa malu dapat menyebabkan seseorang bertindak tanpa memperhatikan nilai dan norma yang berlaku, sehingga merusakkan hubungan sosial dan kepercayaan masyarakat.

Ayat-ayat al-Qur'an yang membahas tentang malu memberikan panduan bagi umat Islam untuk hidup dengan penuh kehormatan, menjaga diri dari perbuatan tercela, dan membangun hubungan sosial yang harmonis. Dengan menumbuhkan rasa malu dalam diri, seorang muslim dapat meraih kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Berikut beberapa ayat al-Qur'an yang menjelaskan tentang malu sebagai cabang dari iman:

◆ Surah al-Baqarah ayat 148

وَلِكُلِّ وُجْهَةٍ هُومٌ لِّهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ
 أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَى
 كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

Mafhumnya:

Dan bagi tiap-tiap umat itu ada kiblat yang dihadapnya maka berlumba-lumbalah kamu untuk mengerjakan kebaikan. Di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan menghimpunkan kamu semua (pada hari Kiamat untuk menerima balasan). Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Ayat ini mengisyaratkan pentingnya berlumba-lumba dalam amal kebaikan, termasuk menjaga sifat malu yang mendorong ketaatan.

◆ Surah al-Baqarah ayat 201

وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آئِنَا فِي الدُّنْيَا
 حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ
 النَّارِ ﴿٢٠١﴾

Mafhumnya:

Dan antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: "Ya Tuhan kami! Kurniakanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami daripada azab neraka."

Ayat ini menggambarkan bahawa seorang muslim yang beriman akan selalu memohon kebaikan baik di

dunia maupun di akhirat. Rasa malu menjadi salah satu pendorong dalam memohon kebaikan, kerana ia takut akan azab neraka.

◆ Surah an-Nuur ayat 30

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ
وَيَحْفَظُوا أَرْوَاحَهُمْ ذَلِكَ أَلْزَمَ لَهُمُ اتِّقَاءَ اللَّهِ
خَيْرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

Mafhumnya:

Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya menahan pandangan mereka (daripada memandang perkara yang diharamkan) dan memelihara kemaluan mereka (daripada melaku-

kan perkara yang haram). Yang demikian itu lebih baik bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu perbuat.

Ayat ini menekankan pentingnya menjaga pandangan dan kehormatan sebagai manifestasi dari rasa malu. Menundukkan pandangan dan menjaga kehormatan merupakan bentuk ketaatan kepada Allah dan wujud dari iman yang kuat.

◆ Surah al-Ahzaab ayat 53

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتَ النَّبِيِّ
إِلَّا أَنْ يُؤْذَنَ لَكُمْ إِلَى طَعَامٍ غَيْرٍ نَظِيرِ
وَلَكِنْ إِذَا دُعِيتُمْ فَأَدْخُلُوا فَإِذَا طَعِمْتُمْ

فَانتَشِرُوا وَلَا مُسْتَعْتَبِينَ لِحَدِيثِ إِنَّ ذَلِكُمْ
 كَانَ يُؤْذَى النَّبِيَّ فَيَسْتَحْيِي مِنْكُمْ
 وَاللَّهُ لَا يَسْتَحْيِي مِنَ الْحَقِّ ...

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu masuk ke rumah-rumah Nabi kecuali kamu diizinkan (dijemput) untuk menghadiri jamuan makan tanpa menunggu-nunggu masakny makanan, tetapi jika kamu dijemput maka masuklah (pada masa yang ditetapkan), kemudian setelah kamu selesai makan maka bersurailah dan janganlah duduk berbual-bual panjang. Sesungguhnya yang demikian itu mengganggu Nabi sehingga dia merasa malu kepada kamu (untuk menyuruh kamu keluar), dan Allah tidak malu daripada menyatakan kebenaran...

Ayat ini menjelaskan bahawa Nabi Muhammad pun merasakan rasa malu. Rasa malu Baginda bukan untuk menolak permintaan, tetapi untuk menjaga adab dan kesopanan dalam berinteraksi dengan umat.

Surah al-Ahzaab ayat 59

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِمَنْ زَوَّجَكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءَ
 الْمُؤْمِنِينَ يُدْرِنَهُنَّ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلْدِيهِنَّ

ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ وَكَانَ اللَّهُ
 غَفُورًا رَحِيمًا

Mafhumnya:

Wahai Nabi! Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman upaya memakai jilbab mereka bagi menutup seluruh tubuh mereka (semasa keluar rumah). Yang demikian itu lebih mudah untuk mereka dikenali supaya mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

Ayat ini memerintahkan perempuan untuk menutup aurat, dan di balik perintah ini tersirat pentingnya menjaga kehormatan dan rasa malu. Penutup aurat merupakan manifestasi dari rasa malu dan kehormatan diri seorang wanita.

MALU YANG TERLARANG

Malu memang selalu mendatangkan kebaikan dan sangat dianjurkan bagi seluruh makhluk yang ada di alam ini.

Daripada Abu Mas'ud 'Uqbah bin 'Amr al-Anshari al-Badri Radhiallahu 'anhu berkata, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ
الْأُولَى إِذَا لَمْ تَسْتَحْيِ فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ

Maksudnya:

Sesungguhnya di antara perkataan kenabian terdahulu yang diketahui manusia ialah apabila kamu tidak memiliki rasa malu, berbuatlah sesuka hatimu.

(Hadits riwayat Imam al-Bukhari)

Hadits tersebut membawa maksud ancaman bagi orang-orang yang berbuat sesuka hati di dunia ini tanpa tidak memiliki rasa malu, akan tetapi rasakanlah balasannya di hari Kiamat nanti.

Selain malu yang terpuji, ternyata ada juga malu yang terlarang di dalam agama kita. Antara malu yang terlarang itu ialah:

- **Malu dalam mempelajari hukum-hakam agama atau menuntut ilmu**

Wanita memang pemalu, apalagi yang berhubungan dengan hal-hal sensitif tentang diri wanita.

Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Ummu Salamah yang bermaksud: *Pada suatu hari Ummu Sulaim (isteri Abi Thalbah) datang dan berkata pada*

Rasul: Ya Rasulullah! Sesungguhnya Allah Subhanahu wa Ta'ala tidak malu terhadap sesuatu yang benar, kemudian dia bertanya: Apakah bagi perempuan diwajibkan mandi apabila bermimpi? Rasul pun menjawab: Ya! Bila dia melihat air (mani).

Sebenarnya kalimat Ummu Sulaim diawal perkataannya adalah meyakinkan dirinya untuk tidak malu bertanya kepada Rasul dan meyakinkan dirinya bahawa Allah tidak membenarkan malu terhadap hal-hal yang berkaitan dengan hukum Allah. Rasulullah sendiri memuji para wanita Anshar yang berani bertanya (mengenai permasalahan-permasalahan wanita) dan tidak malu dalam menuntut ilmu. Dengan keberanian wanita Anshar tersebut, para wanita pada zaman itu bahkan sampai sekarang mengetahui permasalahan dan ilmu-ilmu fiqeh yang berkaitan dengan wanita. Maka, malu dalam menuntut ilmu dan hukum-hakam agama Allah adalah dilarang sebagaimana yang telah disebut dalam firman Allah dalam surah al-Ahzaab sebelum ini.

- **Malu isteri di hadapan suami**

Suami dan isteri ibarat pakaian yang saling menutupi satu dengan yang lainnya. Apabila jelek isteri di mata suami, maka suaminya yang akan

mempercantikkannya begitu juga sebaliknya. Bagi seorang isteri harus melepaskan perisai malu di hadapan suaminya untuk memenuhi keperluan suami atau isteri. Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: *Bila suami memanggil isterinya ke tempat tidur (jima') sedangkan isterinya enggan untuk mengikuti keinginan suaminya tersebut (kerana malu) dan sikap yang demikian menimbulkan kekecewaan di hati suami maka malaikat melaknat wanita tersebut sampai pagi.*

Sifat malu isteri dalam hal ini sangatlah tidak baik, justeru menimbulkan dosa. Ini adalah kerana ketika isteri tidak memenuhi hasrat suami maka ditakutkan hal-hal yang dilarang agama akan terjadi, begitu juga sebaliknya. Rasulullah sendiri dengan para isterinya sering mandi bersama dalam satu bejana. Sebagaimana di dalam hadits Imam an-Nasa'ie dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada 'Aisyah dia berkata: Aku mandi bersama Rasulullah (dari air) pada bejana yang sama.

- **Malu menentang orang-orang yang bersalah**

Banyak sekali hal yang terjadi di dalam hidup ini tentang malu yang

salah tempat atau tidak tepat. Malu menegur orang-orang yang berbuat salah, malu menyampaikan kebenaran, malu bersedekah di hadapan orang banyak, malu menunjukkan identiti seorang muslimah yang baik, malu mengucapkan salam, malu mengingatkan orang yang lebih tua serta pintar dan sebagainya. Contoh-contoh tersebut bukanlah termasuk ke dalam kriteria malu akan tetapi dikatakan orang yang lemah. Maksudnya adalah orang yang tidak berani mengatakan sejujurnya.


Allah tidak pernah malu menentang orang-orang yang meragukan al-Qur'an dengan sesuatu yang sangat kecil dan hina.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 26:

﴿ إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا بَعُوضَةً فَمَا فَوْقَهَا ... ﴾

Mafhumnya:

Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perumpamaan apa sahaja berupa nyamuk hingga ke suatu yang lebih kecil daripadanya.

Apakah layak kita sebut malu, ketika diri kita enggan mengingatkan dan mengajak kepada kebaikan? Ini merupakan salah satu fenomena yang sering terjadi ditengah-tengah kita dan harus kita luruskan bersama. 



Ibrah Tokoh Islam

SAIYIDINA ABU BAKAR ASH-SHIDDIQ

Saiyidina Abu Bakar ash-Shiddiq adalah lelaki dewasa pertama yang memeluk Agama Islam. Nama sebenar beliau ialah 'Abdullah bin Abi Quhafah yang berasal daripada keturunan Bani Tamim. Beliau menjadi teman ketika Baginda berhijrah ke Madinah. Bahkan sebagai memuliakan hubungan persahabatan dengannya, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* mengahwini puterinya yang bernama Saiyidatina 'Aisyah, selepas kematian Saiyidatina Khadijah. Oleh kerana hubungan beliau yang amat rapat dengan Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* beliau telah dilantik menjadi imam sembahyang ketika Baginda sedang sakit. Beliau kemudian telah dilantik menjadi pemimpin umat Islam iaitu khalifah yang pertama setelah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* wafat.

Saiyidina Abu Bakar adalah seorang saudagar yang terkenal di Kota Mekah dan banyak mengorbankan tenaga, harta dan kekayaan beliau untuk

mengembangkan ajaran Islam. Beliau juga telah menggunakan harta benda beliau untuk

membebaskan hamba-hamba yang diseksa oleh para pembesar Quraisy kerana memeluk agama Islam.

Salah seorang daripada mereka ialah Bilal bin Rabah, yang kemudian terkenal sebagai muazzin atau juru azan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Ramai para sahabat utama memeluk agama Islam melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh Saiyidina Abu Bakar. Antara mereka termasuklah 'Utsman bin 'Affan, Zubair al-'Awwam, 'Abdul Rahman bin 'Auf, Sa'ad bin Abi Waqqas, Talhah bin 'Ubaidillah dan lain-lain lagi.

Bagaimana Saiyidina Abu Bakar mendapat gelaran 'ash-Shiddiq'? Saiyidina Abu Bakar mendapat gelaran 'ash-Shiddiq' adalah berikutan peristiwa Isra' dan Mi'raj iaitu peristiwa Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* berjalan ke Baitul Maqdis dan seterusnya diangkat oleh Allah ke langit. Orang-orang Quraisy mentertawakan Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan mengatakan Baginda berbohong. Hal ini adalah kerana Baitul Maqdis terletak beratus-ratus kilometer jauhnya sementara Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi*

wa sallam ke sana pada waktu malam, kemudian naik ke langit dan berada di Mekah pada keesokan paginya. Apabila berita ini sampai kepada Saiyidina Abu Bakar, beliau mempertahankan cerita Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* itu tanpa ragu-ragu. Berikutan daripada peristiwa itulah Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* memanggil Saiyidina Abu Bakar sebagai ash-Shiddiq iaitu seorang yang benar lagi dipercayai.

Terdapat empat orang sahabat besar dan terkemuka yang dipilih menggantikan baginda Rasulullah, memimpin umat Islam setelah kewafatan baginda untuk tempoh hampir 30 tahun. Mereka ialah Saiyidina Abu Bakar, diikuti Saiyidina 'Umar, Saiyidina 'Utsman dan Saiyidina 'Ali. Keempat-empat mereka adalah sahabat yang paling rapat dan dipercayai oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa*

sallam. Mereka juga termasuk dalam senarai 10 orang sahabat yang telah disaksikan oleh Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sebagai ahli syurga ketika baginda masih hidup lagi. Keempat-empat orang khalifah ini dikenali dalam Islam sebagai Khalifah ar-Rasyidin.

Tugas pertama yang dilakukan oleh Saiyidina Abu Bakar *Radhiallahu 'anhu* sebagai khalifah ialah mengarahkan angkatan perang Islam yang dipimpin oleh Usamah bin Zaid untuk memerangi suku kaum Ghassan. Sebelum Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* wafat, Baginda sendiri telah membentuk pasukan tersebut dan melantik Usamah bin Zaid, putera kepada anak angkatnya Zaid bin Haritsah sebagai panglima untuk memerangi suku kaum tersebut.



Suku kaum Ghassan bersekutu dengan Kerajaan Rom dan menimbulkan kekacauan serta mengancam keselamatan negara Islam Madinah. Zaid bin Haritsah, Jaafar bin Abi Talib dan 'Abdullah bin Abi Rawahah sendiri terkorban dalam perang Mu'tah yang membabitkan puak Ghassan ini yang dibantu oleh tentera Rom. Saiyidina Abu Bakar *Radhiallahu 'anhu* mengambil keputusan untuk terus mengerah angkatan perang tersebut ke Ghassan.

Bagi beliau sesuatu yang telah diputuskan dan diperintahkan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* tidak seharusnya diingkari. Walau bagaimanapun, keputusan Saiyidina Abu Bakar ini kurang dipersetujui oleh beberapa orang tokoh sahabat yang lain. Saiyidina Abu Bakar tetap dengan keputusannya dan akhirnya terbukti bahawa keputusan yang dibuat oleh Saiyidina Abu Bakar itu adalah tepat.

Begitulah sikap tegas dan terpuji yang ditunjukkan oleh Saiyidina Abu Bakar sebagai khalifah Islam yang pertama. Beliau berpegang teguh kepada ketaatan kepada perintah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* baik ketika Baginda masih hidup mahu pun ketika Baginda sudah wafat. Kasih sayang beliau kepada Baginda bertaut erat dengan ketaatan beliau kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sebagai

seorang utusan yang telah dilantik dan dipilih oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang tidak seharusnya diingkari akan perintah dan kata-katanya, meskipun baginda telah dijemput oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ke hadhrat-Nya.

Dalam peperangan memerangi golongan pemberontak atau *Riddah* terutamanya Perang Yamamah yang membabitkan Musalimah al-Khazzab, ramai para sahabat terutamanya mereka yang hafaz al-Qur'an telah gugur syahid. Selama ini iaitu semasa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* masih hidup, para sahabat ini dipertanggungjawabkan oleh baginda untuk menghafaz ayat-ayat al-Qur'an. Tidak ada satu usaha yang serius untuk menulis dan mengumpulkan ayat-ayat al-Qur'an ke dalam satu buku atau lembaran bertulis yang lengkap. Hal ini telah menimbulkan kebimbangan kepada Saiyidina Umar al-Khaththab.

Saiyidina Umar al-Khaththab telah pergi menemui Khalifah Abu Bakar ash-Shiddiq dan menyuarakan kebimbangannya itu. Beliau menyarankan kepada Khalifah agar ayat-ayat al-Qur'an ditulis dan disalin semula serta dibukukan. Khalifah Abu Bakar ash-Shiddiq pada awalnya keberatan untuk menerima cadangan daripada Saiyidina Umar tersebut kerana tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Bagaimanapun

setelah beberapa siri perbincangan dengan para sahabat yang lain, Khalifah Abu Bakar akhirnya bersetuju untuk mengambil langkah mengumpulkan dan menyalin ayat-ayat al-Qur'an. Saiyidina 'Umar dan tokoh-tokoh sahabat yang lain berjaya meyakinkan Saiyidina Abu Bakar tentang peri pentingnya usaha-usaha mengumpulkan dan menulis ayat-ayat al-Qur'an dilakukan agar ia dapat terus dijadikan rujukan oleh umat Islam dan tidak hilang begitu sahaja berikutan gugurnya syahid para sahabat yang selama ini menghafaz ayat-ayat tersebut. Beliau lalu mengarahkan sekumpulan para sahabat yang hafaz al-Qur'an diketuai oleh Zaid bin Tsabit untuk menjalankan usaha-usaha tersebut.

WAFATNYA KHALIFAH ABU BAKAR ASH-SHIDDIQ

Khalifah Abu Bakar meninggal dunia setelah lebih kurang dua tahun memimpin umat Islam. Beliau meninggal dunia ketika berusia 63 tahun. Sebelum meninggal dunia, beliau telah meninggalkan pesan agar Saiyidina 'Umar al-Khaththab dilantik menggantikan beliau, memimpin umat Islam. Beliau juga telah menghantar utusan berjumpa Ummul Mukminin Saiyidatina 'Aisyah iaitu puterinya untuk meminta izin agar jasad beliau dimakamkan di sisi sahabat kesayangannya baginda Rasulullah. Permintaan beliau telah diperkenankan oleh Ummul Mukminin Saiyidatina 'Aisyah.

Saiyidina Abu Bakar merupakan antara orang yang paling banyak berjasa terhadap agama Islam. Jasa beliau telah diperakui oleh Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Beliau telah menyumbangkan harta, tenaga dan nyawa beliau dalam mempertahankan agama Islam dan penyebarannya. Ketika orang lain teragak-agak untuk memeluk agama Islam, Saiyidina Abu Bakar tanpa ragu-ragu menyatakan keimanannya.

Walaupun Saiyidina Abu Bakar hanya sempat memimpin umat Islam untuk jangka waktu yang pendek sahaja, jasa-jasa beliau terhadap umat Islam begitu banyak. Beliau merupakan sahabat Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang paling utama

dan paling banyak memberi sumbangan terhadap da'wah yang disampaikan oleh baginda, ketika mula-mula ajaran Islam disebar. Beliau juga bertanggungjawab mententeramkan umat Islam berikutan kewafatan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan berjaya mengelakkan umat Islam daripada berpecah. Khalifah Saiyidina Abu Bakar juga bertanggungjawab menghapuskan pemberontakan dan penentangan golongan nabi palsu. Beliau juga bertanggungjawab mengembalikan keamanan di kawasan sempadan negara Islam dengan Parsi dan Rom.

Saiyidina Abu Bakar ash-Shiddiq terkenal dalam sejarah Islam sebagai salah seorang sahabat yang paling rapat dengan Rasulullah dan begitu besar jasa dan sumbangannya terhadap perkembangan awal ajaran Islam. Beliau sentiasa berada di sisi Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* baik ketika susah mahupun ketika senang. Jasa dan pengorbanan beliau terhadap Rasulullah dan sejarah penyebaran agama Islam begitu besar dan tidak

mampu disaingi oleh tokoh-tokoh sahabat yang lain. Sebagai lelaki dewasa yang mula-mula sekali memeluk agama Islam sehinggakan menjadi teman Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ketika bersembunyi di Gua Tsur serta pendamping baginda ketika berhijrah ke Madinah. Nama beliau harum mewangi dalam sejarah Islam. Begitu juga sebagai seorang tokoh yang bertanggungjawab membawa beberapa orang tokoh sahabat yang lain memeluk ajaran Islam serta kesanggupan beliau menebus hamba-hamba yang diseksa oleh para pembesar Quraisy hanya kerana memeluk Islam sehinggalah kepada keyakinan beliau terhadap peristiwa Isra' Mi'raj yang dialami oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Sebagai seorang sahabat yang paling rapat dengan Rasulullah serta sebagai khalifah pertama yang dipilih oleh umat Islam untuk memimpin mereka setelah kewafatan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, sesungguhnya Saiyidina Abu Bakar banyak meninggalkan teladan yang boleh diikuti oleh kita semua serta dijadikan pengajaran. ◆

Malu Adalah Adab dan Tata Tertib Dunia dan Agama

Iمام al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abi Mas'ud 'Uqbah bin Amru al-Ansari al-Badri *Radhiallahu 'anhu*, katanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ الْأُولَى إِذَا لَمْ تَسْتَحْ فَاصْنَعْ مَا شِئْتُ

Maksudnya: *Bahawasanya setengah yang didapati manusia dari perkataan nabi yang terdahulu ialah apabila engkau tidak malu maka kerjakanlah apa yang engkau kehendaki.*

Hadits ini walaupun ringkas tetapi ianya kemas dan padat. Cukuplah untuk dijadikan pedoman atau pengukur nilai akhlak seseorang dari segi perbuatannya, kerana perbuatan mencerminkan kesopanan. Orang yang sopan tidak mahu berbuat suatu yang memalukan atau yang mendatangkan kecelaan. Sebab orang yang sopan adalah orang yang malu. Malu adalah adab dan tata tertib dunia dan agama sejak dari syari'at para rasul-rasul dan nabi-nabi yang terdahulu.

Dalam hadits tersebut Rasulullah ada menegaskan bahawa di antara perkataan yang telah didapati dari syari'at nabi yang terdahulu ialah apabila engkau tidak malu, maka kerjakanlah apa yang engkau kehendaki. Hadits ini ada menunjukkan kata perintah iaitu, kerjakanlah apa yang engkau kehendaki. Menurut pendapat utama, perintah padanya mempunyai dua pengertian iaitu:

- Perintah itu adalah satu ancaman bukan suruhan. Ertinya, jika engkau tidak malu, maka kerjakanlah apa saja yang engkau kehendaki dan Allah akan membalas engkau. Ini sama dengan terjemahan makna sebahagian ayat 40 surah Fushshilat: *"Buatlah apa yang kamu kehendaki, sesungguhnya Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan."* Perintah ini dapat juga dimaksudkan dengan perkhabaran, iaitu semata-mata mengkhabarkan dan memberitahu bahawa siapa saja yang tidak mempunyai sifat malu, maka kerjakanlah apa yang ia kehendaki, kerana perkara yang menegahnya iaitu malu tidak ada baginya.
- Perintah tersebut adalah perintah suruhan, ertinya jika perbuatan yang hendak dikerjakan itu tidak memalukan sama ada bagi dirinya sendiri dan juga terhadap Allah

Subhanahu wa Ta'ala mahu pun bagi manusia kerana perbuatan itu adalah perbuatan yang baik maka hendaklah engkau kerjakan daripadanya apa yang engkau kehendaki.

Pengertian Malu dan Jenisnya

Malu ialah perasaan yang mendesak seorang supaya menghindarkan segala yang keji dan melaksanakan segala apa yang terpuji. Sumbernya adalah dari hati atau jiwa yang sedar nilai diri yang percaya kepada pengawasan Ilahi atas gerak-geri yang menyebabkan terpelihara zahir dan batin dari segala perbuatan dan unsur-unsur (anasir-anasir) yang membawa kepada kemurkaan Allah.

Malu seperti inilah dikatakan malu kepada Allah. Orang yang malu kepada Allah bersifat taqwa di mana saja dia berada. Tetapi orang yang malu kepada manusia adalah kerana manusia. Malunya akan hilang jika tidak ada manusia. Adakalanya dia tidak malu lagi kepada manusia kerana kelakuannya yang tidak elok itu sama seperti yang dilakukan oleh orang lain di sekitarnya.

Malu ada dua jenis iaitu:

- Malu yang asli, iaitu malu yang telah menjadi tabiat dan perangai seorang sejak dilahirkan ke dunia ini.


- Malu yang diusahakan melalui pengajaran ketuhanan dengan cara mengenal Allah, menginsafi kebesaran-Nya atau kegagahan-Nya dan yakin kepada kekuasaan-Nya dan keseluruhan ilmu pengetahuan-Nya.

Kedua-dua jenis malu ini adalah baik untuk keselamatan hidup kerana yang pertama, ianya menjadi kekuatan yang mencegah larangan serta mendorong kepada kebaikan. Kedua ialah kedua-dua jenis malu ini adalah dari setinggi-tinggi perkara iman yang masuk dalam lingkungan tingkatan ihsan yang amat terpuji.

Malu yang Tercela dan Tidak Dikehendaki

Malu adalah sifat terpuji selama malu itu menjadi unsur pencegah dari kejahatan, pendorong jiwa untuk berbuat kebaikan, serta malu itu tidak pula menyebabkan kehilangan hak dan maruah atau kehormatan peribadi.

Malu yang tercela ialah malu berkata dan melakukan suatu perkara yang benar padahal tidak ada sebarang halangan untuk yang demikian itu. Misalnya malu menyuruh yang baik dan melarang yang jahat, malu berbuat suatu yang benar dan



menunjuk suatu yang hak kerana takut menyalahi atau bertentangan dengan amal orang lain yang terang-terangan tidak betul menurut pandangan agama atau akhlak. Malu seperti ini bukanlah malu, tetapi pengecut yang amat dicela oleh syara'.

Sementara itu ada pula malu yang tidak dikehendaki iaitu malu bertanya sesuatu yang belum diketahui, seperti malu bertanya dalam perkara ilmu pengetahuan selama-lamanya dan menyebabkan kekeliruan pengertian dalam agamanya. Padahal untuk memahami agama tidaklah mungkin dengan perasaan malu.

Saiyidina 'Aisyah pernah memuji perempuan-perempuan dari Madinah kerana mereka tidak malu bertanya perkara agama sebagaimana hadits riwayat Imam Ibnu Majah dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada 'Aisyah *Radhiallahu 'anha* dengan katanya:

نِعْمَ النِّسَاءُ الْأَنْصَارِ لَمْ يَمْتَعِهِنَّ الْحَيَاءُ أَنْ
يَسْأَلْنَ عَنْ أَمْرِ دِينِهِنَّ

Maksudnya:

Sebaik-baik perempuan ialah perempuan-perempuan Anshar yang tidak menghalangi mereka oleh malu dari bertanya perkara agama mereka.

(Hadits hasan riwayat Imam Ibnu Majah)

Daripada Ummu Salamah dengan katanya Ummu Sulaim datang kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* lalu ia berkata:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي مِنَ الْحَقِّ. هَلْ عَلَى
الْمَرْأَةِ مِنْ غُسْلِ إِذَا هِيَ اخْتَلَمَتْ؟ قَالَ:
نَعَمْ! إِذَا رَأَتْ الْمَاءَ

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah tiada malu dari kebenaran. Adakah wajib mandi atas orang perempuan apabila ia bermimpi? Jawab Rasulullah: Ya! (wajib mandi) kalau ia telah (mimpi) melihat air mani.

(Hadits riwayat Imam al-Bukhari)


Pertanyaan tersebut adalah mengenai hal orang perempuan dalam perkara yang mewajibkan mandi. Pertanyaan yang sesungguhnya amat memalukan untuk dikemukakan. Tetapi memandangkan kepada mustahak untuk mendapat penjelasannya, maka perasaan malu dalam hal seperti ini mestilah disingkirkan dan bukanlah tempatnya untuk bersikap malu dalam perkara yang benar atau dalam perkara menyatakan atau membuktikan suatu yang benar. Kerana Allah, sebagaimana kata Ummu Sulaim, tidak malu dari yang benar.

Pengajaran Hadits

1. Satu-satunya perkataan dari rasul-rasul yang terdahulu yang menjadi sebagai kata-kata hikmah bagi seluruh umat ialah perkataan *“apabila engkau tidak malu, kerjakanlah apa yang engkau kehendaki.”*
2. Agama Islam amat mengutamakan peradaban baik dalam semua aspek kehidupan, sama ada dalam perkara ibadat, pergaulan sesama manusia mahu pun peradaban dan pergaulan ketika berada di dalam masjid. Di antara peradaban itu ialah memelihara kesopanan peribadi menurut ertikata tidak mahu menempatkan suatu yang memalukan atau yang merendahkan maruah atau mengerjakan perkara yang terlarang atau yang tidak sesuai dengan kedudukan diri sendiri sehingga menyebabkan seorang itu tidak lagi mempunyai nilai hidup yang sebenarnya. ◆

Maqashid Syari'ah

Memelihara Keturunan



Dalam Islam menjaga atau memelihara keturunan *حفظ النسل (hifzhun nasli)* merupakan salah satu daripada maqashid al-syariah, yang bertujuan untuk melindungi dan memelihara nasab (garis keturunan) agar tetap terhormat dan bermakna. Keturunan adalah aset yang paling berharga bagi sesebuah keluarga. Memelihara keturunan ialah memelihara jenis keturunan manusia, memelihara maruah dan kehormatannya. Hal ini mencakup berbagai aspek, termasuk pernikahan, pendidikan anak, dan perilaku dalam masyarakat.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah an-Nisaa' ayat 1:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ
وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا
كَثِيرًا وَنِسَاءً...

Mafhumnya:

Wahai manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam 'alaihissalam), Dia (Allah) menciptakan daripadanya pasangannya (Hawa), Dia (Allah) mengembangbiakkan daripada kedua-duanya (zuriat keturunan) laki-laki dan perempuan yang ramai...

Mewujudkan keturunan itu adalah melalui perkahwinan atau pernikahan menurut hukum-hukum serta peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh agama Islam.

Tujuan pernikahan di antaranya ialah bagi memelihara keturunan manusia serta menambah zuriat keturunan, khususnya bagi umat Islam dan mengelakkan manusia dari melakukan perbuatan zina atau maksiat.

Dalam Islam, keturunan bukan sekadar warisan darah, tetapi kesinambungan identiti, nilai dan tanggungjawab.

Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* akan berbangga pada hari Kiamat dengan umatnya yang ramai, caranya ialah melalui perkahwinan. Daripada Ma'qil bin Yasar, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: *...kahwinlah kamu akan wanita yang penyayang, subur kerana aku merasa bangga dengan memiliki umat yang banyak.*

(Hadits shahih riwayat Imam Abu Daud)

Kemuliaan keturunan dalam Islam hanya diterima daripada ikatan perkahwinan yang telah ditetapkan oleh syara'. Ini telah dijelaskan oleh Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang menjadi kaedah untuk menetapkan nasab keturunan seseorang.

Diriwayatkan daripada 'Aisyah *Radhiallahu 'anha* bahawa Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: *"Anakitu (dinasabkan) kerana perkahwinan, dan bagi yang berzina (ditahan) hak nasabnya."*

(Hadits riwayat Imam Muslim)

Inilah keadilan Islam menerusi syariatnya yang merupakan cara hidup yang menaungi setiap tindakan manusia, bukannya mengikut gerak hati dan logik akalanya semata-mata. Mengikut hawa nafsu dan membelakangkan syari'at hanya akan membawa kepada

kerusakan dan kecelaruan keturunan yang sepatutnya dijaga.

Cara Menjaga Keturunan

Dalam usaha untuk menjaganya, Islam membentengi umatnya dengan berbagai macam cara. Di antara cara yang digunakan untuk membentengi umat Islam dalam usaha untuk menjaga keturunan ialah seperti berikut:

- 1) **Pernikahan yang Sah:** Salah satu cara utama untuk menjaga keturunan adalah melalui pernikahan yang sah. Pernikahan diakui sebagai cara yang sah untuk membangun keluarga dan melahirkan anak. Dalam Islam, menikah adalah sunnah dan sangat dianjurkan.

Hadits riwayat Imam al-Bukhari, daripada Anas bin Malik, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: “Sesiapa yang benci akan sunnahku, maka dia bukanlah dari golonganku.”

Daripada ikatan perkahwinan inilah akan berkembangnya keturunan yang membentuk satu keluarga.

- 2) **Menghindari Zina:** Islam melarang zina dan mendorong umatnya untuk menjaga pandangan dan kemaluan dari yang tidak halal. Allah

Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam al-Qur'an untuk tidak mendekati zina, kerana itu adalah perbuatan keji dan jalan yang buruk.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah al-Israa' ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزِّنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Mafhumnya:

Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerusakan).

Ayat ini telah sangat jelas memberikan penegasan kepada kita agar jangan sesekali mendekati zina. Imam ath-Thabari *Rahimahullah* dalam tafsirnya *Jami'ul Bayan 'an Ta'wilil Qur'an* juga menjelaskan bahawa pada ayat ini Allah memberi penegasan kepada umat Islam agar tidak mendekati zina, sebab zina merupakan perbuatan keji dan mungkar, juga jalan yang terburuk.


Imam ath-Thabari juga mengatakan bahawa disebut sebagai jalan terburuk, sebab zina adalah jalan orang yang ahli dalam bermaksiat dan menentang perintah-Nya, maka

alangkah buruknya jalan yang menghantarkan pemiliknya kepada neraka Jahanam.

- 3) **Pendidikan dan Nilai Keluarga:** Pendidikan bermula dari rumah. Ibu bapa bertanggungjawab mengajarkan nilai-nilai moral dan agama kepada anak-anak kerana ia adalah aspek penting dalam menjaga keturunan. Keluarga yang baik akan melahirkan generasi yang mampu menjalankan syari'at Islam dan menjaga kehormatan nasab.
- 4) **Menghormati Nasab:** Mengakui dan menghormati asal-usul seseorang juga penting dalam Islam. Ini termasuk menjaga hubungan baik dengan keluarga dan tidak mengabaikan hak-hak anak, seperti hak waris.

KESIMPULAN

Menjaga keturunan dalam Islam adalah tanggungjawab moral dan spiritual bagi setiap individu muslim. Dengan mengikuti ajaran Islam tentang pernikahan, menjauhi zina, dan mendidik anak dengan baik, umat Islam dapat memastikan bahawa keturunan mereka terjaga dan terhormat. Hal ini penting untuk membangun masyarakat yang kuat dan beradab.

Bila keturunan dijaga dengan baik, ia bukan saja melahirkan individu yang shalih dan berkualiti tapi juga menjamin masa depan ummah secara berterusan. 



Bicara Muslimah



KEISTIMEWAAN WANITA DALAM ISLAM

Wanita pada hari ini jauh lebih merasai ni'mat dan amat beruntung berbanding wanita pada zaman jahiliyah yang menerima satu layanan yang cukup buruk dan menjadi sejarah hitam kepada peradaban wanita. Akibat dari perbuatan penindasan yang tidak bertamadun tersebut kebanyakan wanita tidak mempunyai hak ke atas diri sendiri, tidak dibenarkan untuk menuntut ilmu dan memiliki pekerjaan, apatah lagi untuk menikmati kehidupan.

Setelah kedatangan agama Islam yang dibawa oleh baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, kedudukan wanita telah diberikan penghormatan dan diangkat martabatnya setaraf dengan kaum lelaki dalam banyak perkara. Islam juga merupakan agama yang memerdekakan kaum wanita. Sejak dari itu, wanita diberi ruang dan peluang untuk menyumbang kepada masyarakat melalui penglibatan dalam pelbagai bidang selain tugas menguruskan keluarga dan rumahtangga, selagi pekerjaan yang mereka lakukan itu mengikut landasan syara'.

Dengan rahmat dan kasih sayang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang telah menetapkan kurnia kepada semua hamba-Nya sama ada bahagian tersebut menjadi hak lelaki ataupun hak wanita. Perkara ini jelas disebutkan dalam surah an-Nisaa' ayat 32:

وَلَا تَنَّمَوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى
بَعْضٍ لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا
وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبْنَ وَسَّأَلُوا
اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ
شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٣٢﴾

Mafhumnya:

Dan janganlah kamu iri hati terhadap kurnia yang telah dilebihkan Allah kepada sebahagian kamu atas sebahagian yang lain. (Kerana) untuk laki-laki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan untuk perempuan ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan. Dan pohonkanlah kepada Allah limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala sesuatu.

Maka dengan ini, tidak syak lagi bahawa wanita juga memiliki keistimewaan yang tersendiri di mata Islam, di antaranya ialah:

Wanita Shalihah adalah Perhiasan Dunia

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat perkataan shalihah bererti taat dan patuh kepada perintah Allah dan digunakan khusus bagi perempuan. Perumpamaan yang mengatakan perempuan shalihah itu seperti perhiasan dunia adalah dilihat berdasarkan sifat dan fitrah yang sentiasa memerlukan perlindungan, perhatian dan kasih sayang demi mengekalkan statusnya sebagai seorang wanita yang sempurna dan indah dipandang sama ada dari segi fizikal mahupun mental, sebagaimana perhiasan yang perlu dijaga rapi dan dipelihara dengan baik bagi mengelakkan berlakunya kerosakan, kecacatan dan pencemaran.

Perumpamaan tersebut selaras dalam sebuah hadits daripada 'Abdullah bin 'Amru bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

Maksudnya:

Dunia adalah perhiasan dan sebaik-baik perhiasan dunia adalah wanita shalihah.

(Hadits riwayat Imam Muslim)

Apabila disebut wanita shalihah, tidak semestinya merujuk kepada isteri sahaja kerana ianya ditujukan kepada semua peringkat muslimah termasuklah anak, isteri dan ibu yang menjaga maruah mereka. Namun apabila disebut isteri yang shalihah, maka ia hendaklah mempunyai peranan yang cukup signifikan dalam mewujudkan suasana hidup berkeluarga yang diimpikan bersama dengan pasangan, menjaga batas-batas pergaulan, maruah diri dan suami, setiap langkah hendaklah disertai dengan keredhaan suami untuk memperolehi kebahagiaan hidup sehingga ke syurga. Sebagaimana hadits daripada Tsauban bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

أَفْضَلُهُ لِسَانٌ ذَاكِرٌ وَقَلْبٌ شَاكِرٌ وَرَوْجَةٌ
مُؤْمِنَةٌ تُعِينُهُ عَلَى إِيمَانِهِ

Maksudnya:

Harta yang terbaik adalah lisan yang selalu berzikir, hati yang selalu bersyukur dan isteri yang beriman yang selalu membantu suami untuk menjaga imannya.

(Hadits hasan riwayat Imam at-Tirmidzi)

Wanita Shalihah Dapat Masuk Dari Mana-mana Pintu Syurga

Darjat wanita di dalam Islam cukup istimewa kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala telah membuka peluang

dan ruang serta mempermudah jalan untuk mereka menuju ke syurga. Perkara ini ada dinyatakan dalam hadits daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

إِذَا صَلَّتِ الْمَرْأَةُ خُمْسَهَا، وَصَامَتْ شَهْرَهَا،
وَحَصَّصَتْ فَرْجَهَا، وَأَطَاعَتْ بَعْضَهَا دَخَلَتْ
مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ شَاءَتْ.

Maksudnya:

Jika seorang wanita mengerjakan sembahyang lima waktu, berpuasa pada bulannya (Ramadhan), menjaga kemaluannya (maruahnya) dan taat kepada suaminya. Masuklah dia ke dalam syurga dari mana-mana pintu yang dia kehendaki.

(Hadits shahih riwayat Imam Ibnu Hibban)

Wanita Shalihah Lebih Baik Dari Bidadari Syurga

Wanita shalihah adalah lebih baik daripada bidadari syurga kerana amal ibadah mereka ketika di dunia, sebagaimana yang diceritakan daripada Ummu Salamah bahawa ia pernah bertanya mengenai wanita manakah yang lebih baik, sama ada wanita di dunia atau bidadari di syurga, lalu Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam

bersabda:

بَلْ نِسَاءَ الدُّنْيَا أَفْضَلُ مِنَ الْحُورِ الْعِينِ كَفَضْلِ الظُّهَارَةِ عَلَى الْبِطَانَةِ. قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ
وَبِمَا ذَاكَ؟ قَالَ: بِصَلَاتِهِنَّ وَصِيَامِهِنَّ وَعِبَادَتِهِنَّ اللَّهُ أَلْبَسَ اللَّهُ وُجُوهُهُنَّ الثُّورَ، وَأَجْسَادَهُنَّ
الْحَرِيرَ بِيضَ الْأَلْوَانِ خُضَرَ الشِّيَابِ صَفْرَاءَ الْحُلِيِّ مَجَامِرُهُنَّ الدُّرَّ وَأَمْسَاطُهُنَّ الذَّهَبَ.

Maksudnya:

“Wanita di dunia lebih baik daripada bidadari syurga sebagaimana yang zahir lebih baik daripada yang batin.” Aku (Ummu Salamah) bertanya lagi: “Wahai Rasulullah! Bagaimanakah itu?” Baginda bersabda: “Dengan sembahyang, puasa dan ibadat mereka kepada Allah, Allah akan memakaikan muka-muka mereka dengan cahaya dan badan mereka dengan sutera yang berwarna putih, berpakaian hijau dan perhiasan kuning, sanggulnya mutiara dan sisirnya dibuat dari emas.”

(Hadits dhaif riwayat Imam ath-Thabarani)

Wanita Diberi Pengecualian dalam Beribadah

Daripada Mu’adzah berkata bahawa dia telah bertanya kepada ‘Aisyah:

مَا بَالُ الْحَائِضِ تَقْضِي الصَّوْمَ وَلَا تَقْضِي الصَّلَاةَ فَقَالَتْ أَحْرُورِيَّةٌ أَنْتِ قُلْتُ لَسْتُ
بِحْرُورِيَّةٍ وَلَكِنِّي أَسْأَلُ قَالَتْ كَانَ يُصِيبُنَا ذَلِكَ فَتُؤْمَرُ بِقِضَاءِ الصَّوْمِ وَلَا تُؤْمَرُ بِقِضَاءِ
الصَّلَاةِ.

Maksudnya:


Mengapakah wanita yang haidh mengqadha’ puasa dan tidak mengqadha’ sembahyang? Maka ‘Aisyah berkata: Apakah kamu dari golongan Haruriyah? Aku menjawab, Aku bukan Haruriyah akan tetapi aku hanya bertanya. Dia berkata: Kami dahulu juga mengalami haidh, maka kami diperintahkan untuk mengqadha’ puasa dan tidak diperintahkan untuk mengqadha’ sembahyang.

(Hadits riwayat Imam Muslim)

Kelebihan ini telah diberikan kepada wanita agar menjadi keringanan bagi mereka dalam menunaikan ibadah. Ini bersesuaian dengan hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya daripada Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu* bahawa Nabi *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا وَأَبْشِرُوا وَاسْتَعِينُوا بِالْغَدْوَةِ
وَالرَّوْحَةِ وَشَيْءٍ مِنَ الدَّلْجَةِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya agama (Islam) itu mudah, dan tidaklah agama itu dilakukan dengan memaksakan diri, melainkan akan mengalahkan pelakunya (tidak mampu melaksanakannya). Oleh kerana itu, lakukan ibadah itu dengan lurus (benar, bersahaja, dan tidak berlebihan), mendekatlah pada kesempurnaan (lakukanlah semaksimal mungkin jika tidak sanggup menyempurnakannya) dan bergembiralah, serta pergunakanlah waktu pagi, petang serta sebahagian dari waktu malam (sebagai penopang untuk beribadah kepada Allah). 



Kata-kata Hikmah

HIASI DIRI DENGAN SIFAT MALU

KERANA IA PERISAI
BAGI PERBUATAN MAKSIAT

Ikhtisar Kefahaman

Agidah Ahli Sunnah wal Jama'ah

Definisi Ahli Sunnah wal Jama'ah

Beberapa orang ulama telah memberikan pengertian 'Ahli Sunnah wal Jama'ah' itu sebagaimana berikut:

- K.H. Sirajuddin Abbas mengatakan:

'Ahli Sunnah' ialah penganut sunnah Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Sementara erti 'al-Jama'ah' ialah penganut i'tiqad jemaah sahabat-sahabat Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Kaum Ahli Sunnah wal Jama'ah ialah kaum yang menganut i'tiqad sebagaimana i'tiqad yang dianut oleh Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan sahabat-sahabat Baginda. I'tiqad Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan sahabat-sahabat Baginda itu telah termaktub dalam al-Qur'an dan sunnah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Pada mulanya ianya belum tersusun secara rapi dan teratur, tetapi kemudian ianya dikumpulkan dan dirumuskan dengan rapi oleh seorang ulama Usuluddin yang besar iaitu Syeikh Abu Hasan 'Ali al-Asy'ari

(lahir di Bashrah pada tahun 260 Hijrah dan wafat di Bashrah juga pada tahun 324 hijrah dalam usianya 64 tahun), (K.H. Sirajuddin Abbas, 1998: 16).

- Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz mengatakan:

Perkataan 'Ahli' di sini bermakna pengikut-pengikut. Sementara perkataan 'as-Sunnah' bermakna perjalanan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan perjalanan sahabat-sahabat Baginda. Erti sahabat ialah siapa yang berjumpa dengan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan ia beriman dengannya dan ia mati dalam keadaan ia beragama Islam. Perkataan Jama'ah bermakna berhimpun dan bersatu padu dalam perkara i'tiqad dan tauhid pada mengesakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Ringkasnya pengertian Ahli Sunnah wal Jama'ah ialah orang yang mengikut perjalanan Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan menggunakan segala hadits-hadits yang shahih dan tsabit daripada Nabi kita. Dalam pada itu mereka juga mengikut perjalanan sahabat-sahabat Baginda *Radhiallahu 'anhum* dan menggunakan segala perkataan sahabat yang betul dan tsabit yang datang daripada para sahabat itu, (Pehin Dato Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, 1986:24).

- Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal mengatakan:

'Ahli Sunnah' ertinya penganut sunnah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. 'Wal Jama'ah' ertinya penganut kepercayaan atau aqidah sebagaimana aqidah jama'ah sahabat-sahabat Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Jadi 'Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah' bererti kepercayaan penganut sunnah Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan kepercayaan (aqidah) jama'ah sahabat-sahabat baginda.

Penganut kepercayaan (aqidah) Ahli Sunnah wal Jama'ah ini biasa juga disebut sebagai kaum Asya'irah iaitu jama' daripada perkataan Asy'ari yang dikaitkan dengan Imam Abu Hasan al-Asy'ari iaitu ulama besar yang boleh dikatakan sebagai ketua dalam soal aqidah bagi Ahli Sunnah wal Jama'ah. Di samping Imam Abu Hasan al-Asy'ari ada pula seorang lagi ulama besar yang setanding dengan beliau dalam soal-soal aqidah bagi Ahli Sunnah wal Jama'ah iaitu Imam Abu Mansur al-Maturidi, (Pehin Dato Haji Abdul Hamid bin Bakal, 1986:55-56).

- Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned (sekarang dikenali sebagai Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Dr. Haji Abdul Aziz bin Juned) mengatakan:

Ahli Sunnah wal Jama'ah ialah golongan yang mendokong atau menganut pendapat-pendapat atau kepercayaan yang datang daripada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Golongan yang mempunyai pegangan seperti inilah yang dinamakan golongan Ahli Sunnah wal Jama'ah. Sementara 'al-Jama'ah' dimaksudkan sebagai kumpulan yang terbanyak kaum muslimin (majoriti) umat Islam yang menganut fahaman ini. Jadi Ahli Sunnah wal Jama'ah itu ialah golongan umat Islam yang terbanyak menganut suatu fahaman yang dipanggil fahaman Ahli Sunnah wal Jama'ah. (Pehin Dato Haji Abdul Aziz bin Juned, 1986: 77-78).

- Muhammad Abdul Hadii al-Misri, mengatakan:

'As-Sunnah' menurut bahasa Arab adalah *at-Tariqah* yang bererti adat kebiasaan, perjalanan hidup atau perilaku baik terpuji mahu pun tercela. Perkataan tersebut berasal daripada kata as-Sunnah yang bersinonim dengan *ath-Thariq* yang bererti jalan.


Adapun pengertian as-Sunnah dalam istilah syara' menurut para ahli hadits adalah segala sesuatu yang diriwayatkan daripada Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang berupa perkataan, perbuatan, ketetapan, ciri akhlak ataupun perilaku baik sebelum

mahupun sesudah Baginda diangkat menjadi Nabi. Dalam hal ini, pengertian as-Sunnah menurut sebahagian mereka sama dengan al-hadits.


Menurut bahasa, perkataan al-Jama'ah berasal daripada *al-Ijtima'* (berkumpul atau bersatu) yang lawannya ialah *al-Furqah* (berpecah belah). Jika lafaz al-Jama'ah dirangkaikan dengan as-Sunnah menjadi Ahli Sunnah wal Jama'ah, maka yang dimaksudkan ialah umat yang terdahulu iaitu para sahabat dan tabi'in yang bersatu mengikut kebenaran yang jelas daripada kitab Allah dan Sunnah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* (Muhammad Abd. Hadi al-Masri, 1994: 68-70).


- Dr. Mahayuddin Haji Yahaya, dalam bukunya *Ensiklopedia Sejarah Islam, Jilid 1*, mengatakan:

Ahli Sunnah ialah golongan yang membela sunnah Nabi, sama ada dari segi perbuatan, percakapan atau tindakannya. Mereka mempunyai pegangan dan pendapat mereka sendiri tentang prinsip dan hukum agama dan cuba mempertahankannya. Mereka terdiri daripada para sahabat Nabi dan pengikut mereka yang terkemudian (Tabi'in). Golongan Ahli Sunnah sudah wujud sejak awal-awal kedatangan Islam, tetapi tidak disebut kerana umat Islam pada ketika itu masih



belum berpecah kepada mazhab-mazhab. Setelah muncul mazhab-mazhab seperti Khawarij, Syi'ah dan Mu'tazilah, maka pada ketika itulah munculnya istilah Ahli Sunnah wal Jama'ah. Mereka terdiri daripada penyokong Ahli Sunnah yang terdahulu dan jumlah mereka ini lebih besar berbanding dengan para pengikut mazhab yang lain. Oleh kerana itu mereka dipanggil al-Jama'ah, ertinya kumpulan yang ramai. Pendapat Ahli Sunnah wal Jama'ah terhadap agama pada keseluruhannya adalah sederhana, (Dr. Mahayuddin bin Haji Yahaya, 1986:95).

Dengan mengemukakan berbagai definisi mengenai Ahli Sunnah wal Jama'ah dengan memetik hujah-hujah dari ulama-ulama di dalam dan luar negara serta cendekiawan Islam adalah untuk membuktikan bahawa mereka mempunyai pendapat yang hampir sama antara satu sama lain. Bahkan boleh dikatakan mereka saling menguatkan, menyokong dan melengkapkan antara satu sama lain. Ini bermakna kita berada pada landasan yang betul dan dalam kumpulan yang betul. 





FOKUS

Mohammad Noor Suffian bin Haji Yahya
Pegawai Ugama,
Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam



Malu Perisai Orang Beriman

S iapa yang tidak kenal dengan sosok manusia bernama Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, seorang Nabi dan Rasul, *role model* terunggul dan terbaik buat umat Islam, bahkan untuk semua lapisan manusia tanpa mengira bangsa mahu pun ugama, baik dari sudut percakapan, perbuatan, merangkumi semua, hingga Baginda mendapat pengiktirafan dari Maha Pencipta; Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sendiri.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah al-Ahzaab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ
لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ
كَثِيرًا ﴿٥١﴾

Mafhumnya:

Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredhaan) Allah dan (kebahagiaan) hari Akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah.

Daripada Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu*, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya:

Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

(Hadits shahih riwayat Imam al-Baihaqi)

Antara sifat dan akhlak Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* yang sangat terpuji adalah rasa sifat malu Baginda. Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* sangat menganjurkan umat Islam untuk menghiasi diri dengan rasa sifat malu, kerana dengan perasaan malu, manusia dapat mengawal dirinya dari melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh syari’at. Sifat malu adalah merupakan fitrah dan tabiat di dalam jiwa manusia. Semestinya secara umum, jiwa manusia pasti memiliki rasa malu, walaupun hanya sedikit. Sifat malu ini akan bertambah dengan akhlak dan usaha, dan sebaliknya malu akan berkurang dengan meremehkan terhadap perintah Allah *Subhanahu wa Ta’ala*.

Dari Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu*, dia telah berkata sesungguhnya Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* telah bersabda yang bermaksud:

“Iman memiliki tujuh puluh atau enam puluh cabang. Cabang yang paling tinggi adalah perkataan *La ilaha illallah*, dan yang paling rendah adalah menyingkirkan gangguan di jalan, dan malu adalah salah satu cabang dari iman.”

(Hadits riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim.)

Daripada Anas *Radhiallahu ‘anhu*, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud: “Setiap agama memiliki ciri khas akhlak, dan ciri khas akhlak Islam itu adalah rasa malu.”

(Hadits shahih riwayat Imam Ibnu Majah)

Sifat malu akan mendatangkan rahmat Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Setentunya, sifat malu di sini bukanlah malu untuk melakukan berbuat kebaikan, tidak malu untuk bertanya ketika sesat di jalan, tidak malu untuk bersedekah kepada fakir miskin, dan juga tidak malu seorang murid untuk bertanya di dalam kelas meski pun ia tidak faham apa yang diajarkan gurunya. Akan tetapi malu di sini adalah malu untuk berbuat yang tidak baik; malu untuk berbuat maksiat. Malu melakukan perkara-perkara yang tidak layak untuk dilakukan.

Sifat malu merupakan tanda dari

keimanan seorang muslim. Apabila sifat malu sudah tidak ada dalam diri seorang muslim, maka imannya perlu *reflect*, perlu muhasabah dirinya sendiri. Hal ini sebagaimana ditegaskan oleh Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dalam hadits baginda daripada Ibnu Umar:

الْحَيَاءُ وَالْإِيمَانُ قُرْنَا جَمِيعًا ، فَإِذَا رُفِعَ
أَحَدُهُمَا رُفِعَ الْأُخْرَى .

Maksudnya: “Malu dan iman sentiasa bersama. Apabila salah satunya dicabut, maka hilanglah yang lainnya.”

(Hadits shahih riwayat Imam al-Hakim)

Sifat malu menjadi perisai seorang muslim beriman kerana adanya rasa diawasi atau CCTV oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, pada setiap masa dan waktu, sehinggakan segala tindak tanduk untuk rasa tidak culas. Ia akan malu apabila bermaksiat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ia akan malu apabila menyakiti atau menzalimi hamba Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Apabila ianya seorang warga pejabat, maka ia akan malu apabila menyalahgunakan kuasa dan cuai dalam melaksanakan amanah. Apabila ia seorang guru, maka ia akan malu apabila memberi contoh akhlak yang tidak baik kepada muridnya dan

sebagainya.

Ada beberapa cara atau panduan untuk membina dalam diri kita akan rasa malu. Antaranya ialah:

- Dengan menyimpan perasaan malu dalam fikiran kita sendiri. Dengan erti kata lain, apa sahaja yang akan dilakukan, maka perlu difikir-fikirkan terlebih dahulu. Melakukan perbuatan jahat dan maksiat pastinya akan ada akibat atau konsekuensinya, sama ada di dunia mahupun di akhirat.
- Dengan menjaga makan dan minum yang masuk ke dalam tubuh badan kita sendiri dan pastikan yang masuk itu bukan daripada sumber yang haram. Kerana ia akan menjadi darah yang mengalir dalam tubuh badan kita, maka bagaimana dengan ibadah kita kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sedangkan darah yang mengalir dalam tubuh badan adalah darah yang bersumberkan dari sesuatu yang haram.
- Dengan mengingati kematian dan memahaminya bahawa kematian itu boleh datang pada bila-bila sahaja; setiap saat setiap waktu, maka akan menumbuhkan rasa sifat malu akan melakukan dosa dan maksiat. Mohonlah perlindungan kepada Allah supaya tidak mengambil

nyawa kita dalam keadaan tersesat yang jauh dari ketaatan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Ketika Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* memerintahkan sahabat-sahabat baginda supaya malu kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, baginda bersabda yang bermaksud: *"Merasa malulah kepada Allah, dengan rasa malu yang sungguh-sungguh!"*, Mereka pun menjawab, *"Alhamdulillah, kami telah melakukannya!"*

Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* pun menyatakan akan sifat malu yang Baginda maksudkan. Lalu Baginda bersabda: *"Bukan begitu, tetapi sesungguhnya malu kepada Allah, adalah kalian menjaga akal dan fikiran, memelihara perut (dari hal yang diharamkan), serta sentiasa mengingati kematian. Orang yang mengharapkan akhirat dan meninggalkan gemerlapannya dunia dan orang yang telah melampaui itu sebenar-benarnya malu kepada Allah."*

(Hadits hasan riwayat Imam at-Tirmidzi)

Alhamdulillah, perkara sifat malu ini pernah disampaikan di dalam khutbah Jumaat, di Negara Brunei Darussalam, pada 28 November 2025 tahun lalu, antara lain menegaskan akan sifat malu sebagai perisai buat orang-orang beriman. Ini melambangkan, negara

kita menjadikan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sebagai contoh terbaik dalam mengikuti sifat malu kerana sifat malu adalah dianggap sebagai salah satu sifat terpuji dalam diri setiap muslim dan muslimat.

Sifat malu termasuk dalam sifat yang terpuji dan merupakan sifat yang sangat dianjurkan dalam Islam kerana ia berkait rapat dengan iman, dan amat beruntung bagi mereka yang dapat menghiasi dirinya dengan sifat malu kerana sifat malu adalah sebahagian daripada iman, dan iman itu pula tempatnya adalah syurga.

Perkara ini ditegaskan oleh khatib dalam khutbah Jumaat bertajuk 'Malu sebagai Perisai Iman' dan seterusnya menambah, kehidupan seorang muslim perasaan malu akan mendorong seseorang untuk sentiasa berakhlak baik dan menjauhi maksiat.

"Sesungguhnya malu adalah antara sifat yang mesti miliki, dan mempunyai sifat malu itu bukan satu kelemahan, sebaliknya ia adalah perisai yang melindungi diri seseorang daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*," tegasnya. Dengan memelihara sifat malu, jelas khatib, seseorang itu akan dapat membentuk peribadi yang unggul dengan menjaga tingkah laku,

pertuturan dan menjaga kehormatan diri, akan tetapi walaupun malu itu adalah sifat yang baik, ada juga jenis malu yang tidak sepatutnya dimiliki oleh seorang muslim, sebagai contoh malu untuk menuntut ilmu.

“Agama Islam menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu tanpa rasa segan atau malu, jika seseorang tidak bertanya tentang perkara yang tidak diketahuinya, dia akan kekal dalam kejahilan”. Selain itu, seorang muslim juga tidak boleh malu untuk melakukan kebaikan seperti memberikan nasihat, bersedekah dan sebagainya. Khatib turut mengingatkan, seorang muslim itu juga tidak boleh memiliki sifat malu yang berlebihan hingga menyebabkan kehilangan kepercayaan diri dan menyebabkan seseorang itu takut untuk bercakap, bergaul, mengambil peluang untuk berkembang dalam kehidupan.

“Malu yang dituntut oleh syara’ adalah malu yang mendorong kepada kebaikan, mencegah kemaksiatan yang disebabkan rasa takut kepada Allah *Subhanahu wa Ta’ala*, “ ujarinya. Sementara, malu yang tercela adalah rasa malu yang menghalangi seseorang untuk berbuat kebaikan dan kebenaran.

Sifat malu adalah salah satu tanda iman yang kuat dan menjadi perisai kepada seseorang muslim dalam

menjalani kehidupan, dan ia juga dapat membantu seseorang menjaga akhlak, menghindari maksiat dan memperkukuhkan hubungan dengan Allah *Subhanahu wa Ta’ala*.

Cabaran pada sifat malu di zaman kini adalah di alam maya atau alam digital. Penggunaan media sosial yang tidak terkawal telah menipiskan tembok malu manusia. Kitani melihat pada zaman kini fenomena mengejar tontonan atau views dan suka atau *likes*, menari secara tidak sopan atau mendedahkan aib peribadi seperti meluahkan atau curhat masalah rumah tangga kepada umum.

Maka di sinilah sifat malu berfungsi sebagai perisai bagi penyakit sosial tersebut. Seorang yang beriman akan berfikir seribu kali sebelum memuat naik sesuatu kandungan, adakah Allah *Subhanahu wa Ta’ala* akan redha dengan hantaran atau *upload content*?

Sifat malu menghalang kitani daripada menjadi seorang hamba ketagihan atau kehausan kepada perhatian manusia, dan mengekalkan martabat kitani sebagai hamba Allah *Subhanahu wa Ta’ala* yang mulia. Ini kerana, jika hilangnya sifat malu, makai ia adalah petanda awal akan kerosakan akhlak dalam masyarakat.

Apabila perisai malu sudah tidak ada

pada diri seseorang, dia akan kehilangan panduan moral. Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Jika kamu tidak malu, lakukanlah apa sahaja yang kamu mahu.”

(Hadits riwayat Imam al-Bukhari)

Ungkapan ini adalah satu bentuk ancaman. Tanpa malu, manusia boleh sahaja bertindak lebih rendah daripada haiwan.


Antara kesan jika sifat malu sudah tidak ada dalam diri seseorang ialah:

- Perbuatan dosa dilakukan secara terang-terangan tanpa rasa bersalah, atau normalisasi maksiat.
- Runtuhnya institusi kekeluargaan apabila adab dan rasa hormat akan hilang jika rasa malu tidak lagi dimiliki.
- Jenayah dan penyakit gejala sosial akan meningkat apabila tidak lagi

merasa malu dan segan kepada norma agama dan budaya, petanda kerosakan masyarakat.

Untuk membina kembali perisai atau tembok sifat malu ini adalah perlulah sentiasa mendampingi al-Qur'an, menghadiri majlis-majlis ilmu, dan memilih kawan, sahabat yang sentiasa mengingatkan tentang alam akhirat.

Sebagai kesimpulan, sifat malu adalah pakaian jiwa yang paling indah. Ianya tidak melemahkan bahkan ianya adalah satu kemuliaan. Malu kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan melahirkan sifat ketaatan, malu kepada manusia akan melahirkan rasa hormat dan adab, dan malu kepada diri sendiri akan melahirkan sifat integriti atau harga diri.

Akhirnya, perisai sifat malu ini mungkin tidak kelihatan di mata kasar, namun ia adalah pelindung paling ampuh daripada azab api neraka. 





Hidup Diharungi Mati Ditempuhi

SYUKURILAH

Kehidupan Dan Kematian

Petikan: Buku Hidup Diharungi Mati Ditempuhi

Oleh: Badaruddin Othman

Pada hakikatnya kita sebagai manusia dilahirkan adalah sama kerana pada kenyataannya kita ini sedang berada di dunia dan sedang menjalani kehidupan di bumi.

Firman Allah *Subhanahau wa Ta'ala* dalam surah al-A'raaf ayat 10:

وَلَقَدْ مَكَّنَّاكُمْ فِي الْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعْيِشٌ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿١٠﴾

Mafhumnya:

Dan demi sesungguhnya Kami telah menempatkan kamu di bumi dan Kami telah menjadikan untuk kamu di bumi itu (berbagai-bagai sumber) penghidupan. Sedikit benar kamu bersyukur.

Saat ini kita masih menjalani kehidupan dan ini bermakna kita masih hidup dan masih bernafas. Setiap yang bernyawa pasti ada kematian dan sudah setentunya

tiada pilihan lain. Allah menghidupkan kita sebagai manusia dan apabila tiba waktunya akan dimatikan pula. Begitulah hakikat dalam kehidupan manusia sebagai makhluk yang diciptakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Kehidupan manusia berasal dari kisah Nabi Adam 'alaihissalam dan isterinya Hawa. Mereka berdua melanggar larangan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* semasa di syurga. Mereka mengaku bersalah atas kesalahan menzalimi atau menganiaya diri sendiri dengan memakan buah larangan dari taman syurga itu lalu memohon



ampun dan rahmat belas kasihan Allah supaya tidak terus menerus menjadi orang-orang yang rugi.

Hal ini disebutkan dalam surah al-A'raaf ayat 23 hingga 25, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

قَالا رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٢٣﴾ قَالَ أَهْبِطُوا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ

مُسْتَنْقَرٌ وَمَنْعٌ إِلَى حِينٍ ﴿٢٤﴾ قَالَ فِيهَا تَحْيَوْنَ
وَفِيهَا تَمُوتُونَ وَمِنْهَا تُخْرَجُونَ ﴿٢٥﴾

Mafhumnya:

Kedua-duanya merayu (dengan berkata): "Ya Tuhan kami! Kami telah menzalimi diri kami sendiri dan jika Engkau tidak mengampuni dan merahmati kami nescaya jadilah kami daripada orang yang rugi." Allah berfirman: "Turunlah kamu semua (Adam 'alaihissalam, Hawa dan syaitan dari syurga ke bumi), sebahagian kamu menjadi musuh kepada sebahagian yang lain, dan bagi kamu disediakan tempat kediaman di bumi serta mendapat kesenangan hingga ke suatu masa tertentu (saat datangnya ajal)." Allah berfirman: "Di sana kamu hidup dan di sana kamu mati serta dari sana juga kamu akan dikeluarkan (dibangkitkan hidup dari kubur pada hari Kiamat)."

Semua ini terjadi bukanlah sia-sia, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sahajalah yang berkuasa melakukan semua hal ini terhadap makhluk ciptaan-Nya, kerana disebalik kejadian tersebut pasti ada hikmah dan tujuannya. Allah yang menghidupkan dan Dia jugalah yang mematikan serta Dia jugalah yang menetapkan tujuan kita dicipta dan dihidupkan serta dilahirkan ke dunia.

Setelah dihidupkan kita akan dimatikan pula. Ada yang dikurniakan dengan usia yang panjang dan sempat mengharungi liku-liku kehidupan dan sebaliknya ada yang mencapai peringkat lali yang kembali hidup seperti di zaman kanak-kanak yang tidak mengenal baik dan buruknya, menjadi orang yang pelupa, nyanyuk atau pikun.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjelaskan perkara ini dalam surah an-Nahl ayat 70:

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَتَوَقَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَنْ يُرَدُّ إِلَىٰ أَرْذَلِ
 الْعُمُرِ لِكَيْ لَا يَعْلَمَ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ
 قَدِيرٌ ﴿٧٠﴾

Mafhumnya:

Dan Allah menciptakan kamu (wahai manusia daripada tiada kepada ada) kemudian Dia mematikan kamu (maka ada antara kamu yang disegerakan matinya) dan ada pula antara kamu, (maka ada antara kamu yang disegerakan matinya) dan ada pula antara kamu yang dikembalikan kepada peringkat umur (akal) yang paling lemah sehingga tidak mengetahui sesuatu yang pernah diketahuinya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa.

Demikian juga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ada menyebutkan dengan lebih terperinci dalam surah Ghaafir ayat 67 dan 68:

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ
 مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا
 أَشَدَّكُمْ ثُمَّ لِيَكونُوا شُيُوخًا وَمِنْكُمْ
 مَنْ يَتُوفَىٰ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَبْلُغَ أَجَلَ مُّسَمًّى
 وَلِعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٦٧﴾ هُوَ الَّذِي يُحْيِي
 وَيُمِيتُ فَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ
 فَيَكُونُ ﴿٦٨﴾

Mafhumnya:

Dialah yang menciptakan kamu daripada tanah kemudian daripada (percantuman) air mani (laki-laki dan perempuan), kemudian daripada segumpal darah beku, kemudian Dia mengeluarkan kamu (daripada kandungan ibu kamu) berupa kanak-kanak, kemudian kamu (dipelihara) hingga dewasa, kemudian (kamu dipanjangkan umur) hingga ada yang sampai menjadi tua. Dan antara kamu ada yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan yang demikian) supaya kamu sampai kepada ajal yang ditentukan dan supaya kamu memahaminya. Dialah yang menghidupkan dan mematikan, apabila Dia hendak menetapkan sesuatu maka Dia hanya berfirman kepadanya: "Jadilah," lalu ia pun jadi.

Setelah mati kita akan berada di alam lain iaitu bukan lagi di alam dunia. Di alam lain itulah kita dihidupkan sekali lagi untuk dibangkitkan kembali kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Hal ini ditegaskan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Baqarah ayat 28:

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا
فَأَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ
ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾

Mafhumnya:

Bagaimanakah kamu tergamak mengingkari Allah sedangkan kamu dahulunya mati (belum lahir) lalu Dia menghidupkan kamu. Kemudian Dia mematikan kamu, setelah itu Dia menghidupkan kamu semula (pada hari Akhirat) dan kemudian kepada-Nya kamu akan dikembalikan (untuk menerima balasan).

Firman Allah lagi dalam surah al-Hajj ayat 5:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ
فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّن
عَلَقَةٍ ثُمَّ مِّن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُّخَلَّقَةٍ

لِنُبَيِّنَ لَكُمْ وَنُقَرِّ فِي الْأَرْضِ مَا نَشَاءُ إِلَى
أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا
أَشُدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَّن يُتَوَفَّى وَمِنْكُمْ
مَّن يُرَدُّ إِلَى أَرْدَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ
مِن بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً
فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَّتْ
وَأُنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ﴿٥﴾

Mafhumnya:

Wahai manusia! Jika kamu dalam keraguan tentang kebangkitan (pada hari Kiamat) maka (ketahuilah) sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada tanah kemudian daripada (percantuman) air mani (laki-laki dan perempuan), kemudian daripada segumpal darah beku, kemudian daripada seketul daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna supaya Kami menjelaskan kepada kamu (kekuasaan Kami). Dan Kami menetapkan dalam rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami kehendaki hingga ke suatu masa yang tertentu, kemudian Kami mengeluarkan kamu (dari kandungan ibu kamu) berupa kanak-kanak, kemudian (kamu dipelihara) hingga kamu dewasa dan antara kamu ada yang dimatikan (sebelum dewasa) dan ada yang

dikembalikan kepada peringkat umur (akal) yang paling lemah sehingga tidak mengetahui sesuatu yang pernah diketahuinya dahulu. Dan engkau melihat bumi ini kering (tidak ada tumbuh-tumbuhan) maka apabila Kami menurunkan hujan ke atasnya, hiduplah bumi (dengan tumbuh-tumbuhan) dan menjadi subur dan menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah dan elok.

Seterusnya Allah berfirman dalam surah adz-Dzaariyaat ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Mafhumnya:

Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah Aku.

Maka jelaslah bahawa jin dan manusia itu diciptakan untuk mengabdikan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Apabila kita ini dicipta untuk mengabdikan diri kepada Allah maka kita membahaskan diri kita sebagai hamba Allah. Kita benar-benar dituntut mengabdikan diri dan menjadi hamba kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Kita diciptakan sebagai makhluk jenis manusia. Asal usul kita ialah Adam dan Hawa 'alaihimassalam. Kita dilahirkan ke dunia menerusi perkahwinan

pasangan ibu bapa untuk menjalani kehidupan dalam rangka mengabdikan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Tujuan mengabdikan kepada Allah itu sebenarnya sudah ada dalam suratan hidup kita. Sejak awal kejadian (diciptakan) lagi kita manusia sudah memperakukan bahawa kita tidak bertuhankan yang lain selain Allah. Hal ini disebutkan dalam surah al-A'raaf ayat 172:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ﴿١٧٢﴾

Mafhumnya:

Dan (ingatlah wahai Nabi Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat keturunan anak-anak Adam daripada tulang belakang (sulbi) mereka, dan Allah menjadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri (sambil berfirman:) "Bukankah Aku ini Tuhan kamu?" Mereka berkata: "Benar, (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi." (Kami lakukan yang sedemikian itu) supaya kamu tidak mengatakan pada hari Kiamat: "Sesungguhnya kami ialah orang yang lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini."

Mengenai hidup dan mati kita yang kemudian dihidupkan semula untuk

bangkit kembali kepada-Nya itu disebutkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerusi firman-Nya dalam surah al-Hajj ayat 66:

وَهُوَ الَّذِي أَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ
ثُمَّ يُحْيِيكُمْ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَكَفُورٌ ﴿٦٦﴾

Mafhumnya:

Dan Dia jualah yang menghidupkan kamu, kemudian Dia mematikan

kamu kemudian Dia menghidupkan kamu semula (pada hari kebangkitan). Sesungguhnya manusia sangat kufur (tidak bersyukur).

Lafaz (وَهُوَ الَّذِي أَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ) memberi makna bahawa kita hidup adalah kerana dihidupkan dan kemudian kita mati adalah kerana dimatikan. Keduanya atas kuasa dan kehendak Allah, bukan atas kuasa dan kehendak kita sendiri. Kita tidak boleh sendiri hidup dan tidak juga sendiri mati. ◆






PUISI

AL-QUR'AN PETUNJUK JALAN

Al-Qur'an,
Turunmu ke alam jagat
Penuh mukjizat
Intipatimu penuh pengajaran
Pedoman setiap insan
Petunjuk jalan kehidupan

Terdapat perintah suruhan dan larangan
Perintah berbuat amal ma'ruf
Mencegah kemungkar
Demi kemanusiaan
Demi kesejahteraan
Demi keamanan



Demi keadilan
Demi kesedaran
Demi kebenaran


Dalam al-Qur'an
Berbagai surah disajikan
Sebagai petunjuk jalan
Untuk dibaca dan diamalkan

Surah al-Waaqi'ah
Pembuka jalan
pintunya kepapaan
dan kemiskinan

Surah al-Mulk
Sebagai penyelamat dari seksaan
Mendapat pembelaan

Surah ar-Rahmaan
Mengelak kelupaan
Penerang gelapnya hati
Penguat ingatan
Dalam meniti pembelajaran

Surah al-Kahfi
Besarnya ganjaran
mendapat keampunan dan perlindungan



ayat-ayat syifa disajikan bersama
penawar dan penyembuh
begitu pun Surah al-Fatihah
Surah al-Ikhlash
Dan ayat al-Kursiy
Terdapat banyak keistimewaan

Betapa kandungan al-Qur'an itu
Menjadi panduan dalam kehidupan
Ikhtiar dan jalan penyelesaian
Demi kesejahteraan, kebahagiaan
Dan syafa'at di hari kemudian
Petunjuk jalan dalam kehidupan
Pun jalan menuju ke tempat abadi
Agar penyelesaian akan dapat diatasi
Dengan petunjuk al-Qur'an
Perjalanan tiada sesat
Di pangkal dan di penghujung jalan.

Maisalamah Rajab
14 September 2020



Malu itu Perisai Iman

Dari sahabat Ibnu Mas'ud *Radhiallahu 'anhu* bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya diperoleh manusia dari ucapan kenabian yang pertama adalah jika kamu tidak mempunyai rasa malu, maka berbuatlah sesukamu.”

(Hadits Riwayat Imam al-Bukhari)

RASA MALU ADALAH BENTENG TERAKHIR | MAN

Saat ia runtuh terasa ringan,
kebaikan terasa asing
dan hati pun kehilangan arah

Peliharalah rasa malu
sebagaimana engkau menjaga
kehormatan dan imanmu

